



Penilaian Kendalian Sekolah



Pusat Perkembangan Kurikulum
Kementerian Pendidikan Malaysia

Penilaian Endalialian Sekolah



Pusat Perkembangan Kurikulum
Kementerian Pendidikan Malaysia

Cetakan Pertama 2001
© Kementerian Pendidikan Malaysia

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Pengarah, Pusat Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia, Persiaran Duta off Jalan Duta, 50604 Kuala Lumpur.

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Malaysia. Pusat Perkembangan Kurikulum

Penilaian kendalian sekolah/Pusat

Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia.

ISBN 983-2340-39-X

1. School management and organization-Evaluation. 2. School improvement program-Evaluation I. Judul.

379.158


KATA PENGANTAR

Pelaksanaan kurikulum sekolah yang disemak semula memberi penekanan atas strategi pembelajaran yang berkesan sesuai dengan kehendak pendidikan masa kini dan masa depan.

Sebagai usaha untuk membantu guru memahami dan mengamalkan strategi tersebut, Pusat Perkembangan Kurikulum (PPK) telah menghasilkan pelbagai bahan sokongan kurikulum yang terdiri daripada beberapa modul pengajaran dan pembelajaran (P&P) dan buku penerangan am tentang pengurusan dan pelaksanaan kurikulum.

Modul (P&P) boleh membantu guru mempelbagaikan kaedah pengajaran dan pembelajaran yang berkesan di samping mewujudkan suasana bilik darjah yang menggembirakan. Buku penerangan am bertujuan untuk menjadi panduan kepada pengurus dan pelaksana kurikulum dalam usaha mereka untuk melaksanakan kurikulum dengan lebih berkesan.

PPK merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua yang terlibat dengan penyediaan modul-modul serta buku penerangan am ini. Semoga bahan sokongan berkenaan dapat dimanfaatkan oleh semua pihak yang terlibat.



Dr. SHARIFAH MAIMUNAH BINTI SYED ZIN

Pengarah

Pusat Perkembangan Kurikulum
Kementerian Pendidikan Malaysia

KANDUNGAN Muka
Surat

UNIT 1

PENGENALAN

UNIT 2

KONSEP

PENILAIAN KENDALIAN SEKOLAH

3

UNIT 3

PELAKSANAAN

PENILAIAN KENDALIAN SEKOLAH

9

UNIT 4

ANALISIS ITEM

24

UNIT 5

RUMUSAN

31

RUJUKAN

LAMPIRAN I

**CONTOH SENARAI SEMAK
DAN SKALA KADAR**

37

LAMPIRAN II

**CONTOH SOALAN
MENGIKUT ARAS TAKSONOMI**

39

UNIT 1

PENGENALAN

MATLAMAT



Buku penerangan Penilaian Kendalian Sekolah (PKS) disediakan untuk membantu guru semasa menjalankan penilaian di peringkat sekolah. Melalui buku ini guru diberi pendedahan tentang konsep, kaedah, ciri-ciri dan keperluan melaksanakan PKS serta cara mengaplikasikannya dalam bilik darjah.

OBJEKTIF



Selepas membaca buku penerangan ini, diharapkan guru dapat:

- menjelaskan konsep PKS
- menyenaraikan ciri-ciri PKS
- menyatakan kaedah penilaian dalam PKS
- menghuraikan kepentingan PKS dalam pengajaran dan pembelajaran
- menghuraikan perkaitan antara PKS dengan penilaian peringkat pusat
- merancang dan melaksanakan PKS dalam pengajaran dan pembelajaran

ORGANISASI KANDUNGAN



Buku penerangan ini dibahagikan kepada lima unit. Contoh-contoh soalan dan bahan rujukan terdapat dalam lampiran yang disediakan.

Unit 1 : Pengenalan

Bahagian ini memberi penerangan tentang kandungan dan objektif buku penerangan ini.

Unit 2 : Penilaian Kendalian Sekolah

Bahagian ini menjelaskan konsep, ciri-ciri, aspek-aspek yang dinilai dan kaedah penilaian dalam PKS. Perkaitan antara PKS dengan penilaian pada peringkat pusat juga diterangkan.

Unit 3 : Pelaksanaan PKS

Bahagian ini memberi penjelasan komprehensif tentang pelaksanaan kaedah penilaian dalam PKS yang meliputi:

- i. perancangan aktiviti;
- ii. menentukan perkara yang hendak dinilai;
- iii. menentukan kaedah yang hendak digunakan;
- iv. membina dan mentadbir instrumen penilaian;
- v. merekod;
- vi. menganalisis maklumat penilaian;
- vii. melapor; dan
- viii. tindakan susulan.

Unit 4 : Analisis Item

Bahagian ini meliputi penerangan tentang panduan menganalisis item dan penentuan aras kesukaran item. Langkah-langkah menentukan aras diskriminasi item juga diterangkan.

Unit 5 : Rumusan

Bahagian ini memberi rumusan tentang aspek-aspek penting dalam PKS untuk mengukuhkan kefahaman dan kemahiran guru dalam melaksanakan penilaian.

Lampiran I : Bahan Rujukan

Bahagian ini menyenaraikan bahan rujukan yang berkaitan untuk membantu guru mendalami pengetahuan tentang konsep dan kaedah penilaian.

Lampiran II : Contoh Soalan

Bahagian ini memberikan contoh-contoh soalan pada peringkat sekolah rendah dan menengah mengikut aras taksonomi.



UNIT 2

PENILAIAN KENDALIAN SEKOLAH

KONSEP PKS



Guru memainkan peranan penting dalam mengesan perkembangan, kebolehan, kemajuan dan pencapaian murid. Guru menentukan hasil pembelajaran yang hendak dinilai, merancang dan membina instrumen penilaian, melaksanakan penilaian, merekod hasil penilaian, menganalisis maklumat penilaian, melapor dan membuat tindakan susulan. Penilaian yang dirancang oleh guru di peringkat sekolah ini dikenali sebagai PKS.

Melalui aktiviti penilaian guru dapat memastikan perkembangan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu dari aspek intelek, rohani, emosi dan jasmani selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK). Untuk mencapai hasrat ini penilaian di sekolah haruslah memberi penekanan kepada konsep penilaian berterusan terhadap perkembangan bagi kesemua aspek tersebut.

PKS lebih bersifat formatif iaitu mengutamakan kemajuan setiap murid dari satu peringkat ke satu peringkat. Guru dapat membuat diagnostik bagi mengesan perkembangan murid dari semasa ke semasa. Ini memberi peluang kepada guru untuk membetulkan kesilapan dan memperbaiki kelemahan murid serta-merta supaya kelemahan tersebut tidak terhimpun. Di samping itu guru dapat mengenal pasti kelemahan dan memperkembangkan lagi kekuatan serta potensi murid.

Terdapat dua jenis penilaian di sekolah iaitu penilaian formatif dan penilaian sumatif.

- **Penilaian formatif**

Penilaian dijalankan secara berterusan dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Maklumat yang diperoleh dapat memberi maklum balas tentang sejauh mana sesuatu hasil pembelajaran telah dikuasai. Oleh itu, guru dapat mengetahui tentang kelemahan dan kekuatan serta potensi seseorang murid dan mengambil tindakan susulan yang sewajarnya.

- **Penilaian sumatif**

Penilaian sumatif dikaitkan dengan penilaian pada akhir semester atau tahun. Penilaian ini memberikan nilai yang membezakan pencapaian seorang murid dengan murid lain dan seringkali digunakan untuk membuat pemilihan.

PKS dirancang dan dilaksanakan oleh guru secara berterusan dalam proses pengajaran dan pembelajaran harian. Maklumat tentang perkembangan murid yang diperoleh dari semasa ke semasa melalui penilaian berterusan dapat membantu guru mengambil tindakan susulan yang sewajarnya jika perlu. PKS boleh menilai kemajuan murid dalam pelbagai aspek termasuk aspek-aspek yang tidak dapat dinilai secara berpusat.

Penilaian secara berpusat iaitu UPSR, PMR dan SPM dikendalikan oleh Lembaga Peperiksaan, Kementerian Pendidikan Malaysia. Keputusan penilaian secara berpusat dapat memberi maklumat tentang pencapaian murid di seluruh negara. PKS dan penilaian berpusat saling melengkapi dalam sistem penilaian.

**PENILAIAN
FORMATIF**



**PENILAIAN
SUMATIF**



**PERKAITAN
ANTARA PKS
DAN PENILAIAN
BERPUSAT**



PKS dilaksanakan untuk mendapatkan gambaran tentang kemajuan pembelajaran murid di samping memberi maklum balas tentang keberkesanan pengajaran guru.


Melalui PKS, **guru** dapat :

- mengesan **perkembangan** murid secara menyeluruh;
- mengenal pasti **kekuatan** dan **kelemahan** murid dalam pembelajaran lebih awal dari semasa ke semasa;
- mengetahui **keberkesanan** pengajarannya;
- **merancang** dan **mengubahsuai** pengajarannya; dan
- **menjalankan tindakan susulan** yang sesuai dengan serta-merta.

CIRI-CIRI PKS


PKS yang dilaksanakan dengan sempurna oleh guru dapat membantu murid mengatasi masalah pembelajaran yang telah dikenal pasti pada peringkat awal lagi supaya kelemahan tersebut tidak terhimpun seterusnya. Di samping itu kekuatan murid yang telah menguasai pula diperkukuh dan diperkaya. Melalui aktiviti tindakan susulan yang berkesan guru dapat membantu murid meningkatkan kemajuannya dalam pembelajaran dan seterusnya memperoleh pencapaian cemerlang dalam penilaian di peringkat pusat.

PKS dilaksanakan berdasarkan beberapa ciri yang utama seperti berikut:



<p>Dikendalikan oleh guru</p> <ul style="list-style-type: none"> • menilai muridnya sendiri 	<p>Berasaskan Kriteria</p> <ul style="list-style-type: none"> • menilai penguasaan murid berdasarkan hasil pembelajaran yang telah ditentukan
<p>Formatif</p> <ul style="list-style-type: none"> • dijalankan berterusan • mengesan perkembangan, kemajuan dan pencapaian murid 	<p>Pelbagai kaedah</p> <ul style="list-style-type: none"> • pemerhatian • lisan • penulisan
<p>Mengesan Perkembangan Pembelajaran Secara Menyeluruh</p> <ul style="list-style-type: none"> • intelek • rohani • emosi • jasmani 	<p>Menekankan Perkembangan Individu</p> <ul style="list-style-type: none"> • berdasarkan kemampuan individu dan bukan untuk perbandingan antara individu
<p>Bersistem</p> <ul style="list-style-type: none"> • merancang • menentukan instrumen • melaksana • menganalisis • merekod • melapor • tindakan susulan 	<p>Menggalakkan Penilaian Kendiri</p> <ul style="list-style-type: none"> • melatih murid menilai kemajuan sendiri secara berterusan • guru mendapat maklumat tambahan
	<p>Membolehkan Tindakan Susulan</p> <ul style="list-style-type: none"> • mengatasi kelemahan pembelajaran • mempertingkatkan kekuatan pembelajaran

ASPEK YANG DINILAI



Melalui PKS murid dinilai dalam pelbagai aspek yang meliputi pelbagai kecerdasan serta perkembangan emosi dan sahsiah murid.

Aspek	Contoh
pengetahuan	memberi definisi menghuraikan fakta menerangkan konsep dan prinsip
kemahiran berfikir	berfikir secara logik memberi rasional dan alasan menghuraikan pendapat
kemahiran berbahasa	petah bertutur memberi pendapat membaca dan menulis
kemahiran mengira	mencongak menyelesaikan masalah kira cepat
kemahiran belajar	mencari maklumat daripada pelbagai sumber mengklasifikasikan maklumat membuat laporan
kemahiran amali	mengambil wuduk solat membaca dan menghafaz
kemahiran manipulatif	mengguna radas sains mengguna alatan tangan menyenggara alatan
kemahiran bersosial	berkomunikasi bersopan santun bekerjasama

Aspek	Contoh
daya kreatif	mereka cipta melukis bermain alat muzik
kemahiran proses sains	memerhati membuat inferen menganalisis maklumat
perlakuan dan amalan nilai murni	membantu berdikari bertanggungjawab
sikap	bersemangat untuk belajar gigih bekerja ingin tahu
kesihatan dan kecergasan	sihat, cergas dan aktif menjaga kebersihan diri dan keselamatan melibatkan diri dalam pelbagai aktiviti
kemahiran kinestetik	bersukan bergerak secara kreatif bergerak mengikut rangsangan
bakat dan minat	kesungguhan membuat sesuatu kelebihan dalam sesuatu bidang kecenderungan kepada sesuatu

1. Senaraikan ciri-ciri Penilaian Kendalian Sekolah.
2. Nyatakan aspek-aspek yang dinilai.
3. Mengapakah PKS penting?
4. Apakah perkaitan PKS dengan penilaian berpusat?
5. Bandingkan ujian rujukan kriteria dengan ujian rujukan norma.
6. Nyatakan perbezaan antara penilaian formatif dengan penilaian sumatif.
7. Apakah perkaitan PKS dengan pembelajaran masteri?


UNIT 3

PELAKSANAAN PENILAIAN KENDALIAN SEKOLAH

**PROSES
PELAKSANAAN
PKS**



Pelaksanaan PKS yang sistematik perlu mengikut langkah-langkah yang berikut:



Dalam pelaksanaan PKS, guru perlu menentukan hasil pembelajaran yang hendak dinilai, kaedah penilaian dan instrumen penilaian yang perlu digunakan.

Penggunaan Jadual Penentuan Ujian (JPU) boleh membantu guru membina soalan mengikut hasil pembelajaran yang ditentukan.

Dengan bantuan JPU guru dapat merangkakan tajuk/kemahiran yang hendak diuji dan peringkatnya dalam taksonomi kognitif Bloom. Bilangan serta peratus soalan untuk setiap peringkat kognitif juga ditunjukkan dalam jadual penentuan ini. Untuk sesuatu tajuk dan peringkat taksonomi, hasil pembelajaran murid dicatatkan secara spesifik. Penentuan hasil pembelajaran ataupun aras-aras kemahiran bergantung kepada:

- mata pelajaran
- tajuk-tajuk yang dinilai
- peringkat kebolehan murid yang dinilai
- wajaran aras kesukaran
 - mudah, sederhana, sukar

Guru perlu meneliti dan memahami kandungan setiap tajuk dalam sukatan pelajaran. Bilangan peratus soalan bagi sesuatu tajuk perlu ditunjukkan.

Pilih tajuk yang hendak dinilai.
Tentukan Hasil Pembelajaran.
Tentukan bilangan soalan mengikut aras.
Tulis bilangan soalan dalam petak berkenaan.
Semak jumlah dan peratus semua soalan dalam lajur menegak dan mendatar.

MERANCANG

**PEMBINAAN
INSTRUMEN
PENILAIAN**

**LANGKAH-
LANGKAH
MENYEDIAKAN
JPU**

CONTOH JPU

Mata Pelajaran: Geografi
Tajuk: Kajian Peta Topografi

Kandungan	Aras kemahiran															Jumlah %			
	Pengetahuan			Kefahaman			Aplikasi			Analisis			Sintesis				Penilaian		
	M	Sd	S	M	Sd	S	M	Sd	S	M	Sd	S	M	Sd	S		M	Sd	S
Lambang dan istilah			1			1		1	1		1	1		1	1		1	1	10 (20%)
Konsep kedudukan kordinat		1			1	1	1	1		1	2	2		2	1		1	1	15 (30%)
Faktor cuaca dan pengaruhnya					1		1	1	1		1	1	1	1	1	1	1	1	11 (22%)
Kegiatan ekonomi			1	1		1		1	1	1	2			2	1		2	1	14 (28%)
Jumlah %		1	2	1	2	3	2	4	3	2	6	4	1	6	4	2	4	3	50 (100%)
	3 (6%)			6 (12%)			9 (18%)			12 (24%)			11 (22%)			9 (18%)			

(M = Mudah, Sd = Sederhana, S = Sukar)

Nota: Tidak semua peringkat hasil pembelajaran dan aras kemahiran mesti diuji dalam sesuatu penilaian/ujian. Aras kemahiran boleh diubahsuai kepada mudah dan sukar.

KAEDAH PENILAIAN DALAM PKS

Hasil pembelajaran yang telah dikenal pasti boleh dinilai dengan menggunakan kaedah:

- pemerhatian
- lisan
- penulisan

Pemilihan kaedah penilaian bergantung kepada:

- hasil pembelajaran yang hendak dinilai.
- kesesuaian dengan perkara yang hendak dinilai.

Kaedah-kaedah ini boleh dilaksanakan secara berasingan atau digabungkan untuk mendapatkan maklumat penilaian yang lebih jelas dan tepat mengenai kebolehan, perkembangan dan kemajuan murid.

Ketiga-tiga kaedah ini boleh digunakan untuk :

- Mengesan serta-merta
 - mengesan penguasaan hasil pembelajaran dengan serta-merta dalam pengajaran harian
 - tidak memerlukan instrumen yang khusus
- Mengesan kemajuan
 - mengesan kekuatan dan kelemahan selepas beberapa pembelajaran
 - perlu dirancang secara individu atau kumpulan
 - menggunakan instrumen tertentu seperti senarai semak, lembaran kerja, ujian bertulis
- Mengesan pencapaian
 - mengesan pencapaian selepas beberapa pembelajaran atau pada akhir program
 - perlu dirancang secara individu
 - dijalankan dengan menggunakan senarai semak, skala kadar, ujian bertulis dan ujian lisan



**PENILAIAN
SECARA
PEMERHATIAN**



- Digunakan untuk menilai aspek-aspek yang sukar dikesan melalui kaedah lisan dan penulisan seperti:

- sikap
- perlakuan/amalan
- amali
- kemahiran manipulatif
- kemahiran bersosial
- kemahiran belajar
- kemahiran kinestetik
- kemahiran literasi komputer
- kemahiran mereka cipta

- Pemerhatian proses dan hasil kerja murid seperti lukisan, buku skrap, kraf tangan dan kerja kursus membolehkan guru menilai sikap serta penguasaan sesuatu kemahiran.
- Maklumat daripada pemerhatian boleh membantu guru melengkapkan gambaran mengenai keputusan penilaian yang diperolehi melalui kaedah lisan dan penulisan.
- Instrumen penilaian pemerhatian meliputi senarai semak dan skala kadar.

**PENILAIAN
SECARA LISAN**



- Digunakan untuk mengumpul maklumat semasa berlaku interaksi antara:

- murid dengan guru
- murid dengan murid
- murid dengan bahan pembelajaran

- Antara aspek yang boleh dinilai secara lisan ialah:

- kefahaman konsep
- pengetahuan fakta
- kecekapan mendengar
- penggunaan bahasa yang tepat
- kefasihan menghafaz
- sebutan dalam berbahasa
- kecekapan mencongak
- gaya persembahan
- pertuturan dan sikap

- Kemahiran lisan boleh dinilai melalui aktiviti seperti yang berikut:

- bacaan kuat
- syarahan
- perbahasan
- bercerita
- perbincangan
- hafazan
- temu bual
- soal jawab
- nyanyian
- deklamasi sajak
- mendengar dan memberi respon secara lisan



- Penilaian lisan membolehkan guru :

- mengesan kemajuan dan pencapaian murid dalam kemahiran mendengar dan bertutur secara gramatis.
- mendapat maklumat serta-merta tentang pengetahuan dan kefahaman murid.
- mengesan kebolehan murid dalam kemahiran membaca dan menghafaz.
- mengesan kelancaran dalam sebutan.
- mengesan amalan dan sikap murid secara serta-merta.

- Instrumen penilaian lisan boleh dipelbagaikan merangkumi soalan dan aktiviti yang memerlukan respon murid dalam bentuk lisan. Dalam menyediakan instrumen guru perlu pastikan:

- soalan, pernyataan, ilustrasi dan bahan rangsangan perlu jelas dan mudah difahami.
- aktiviti/bahan boleh merangsang murid mengeluarkan idea.

Instrumen Penilaian Lisan

**PENILAIAN
SECARA
PENULISAN**

- pelbagai bentuk soalan seperti soalan bertumpu dan bercapah digunakan untuk merangsang murid berfikir.
- aras kesukaran perlu sesuai dengan kebolehan murid.

- Penilaian secara penulisan melibatkan aktiviti menyemak dan memeriksa tugas dan hasil penulisan murid seperti yang berikut:

- karangan
- laporan projek/kerja kursus/folio
- latihan dan ujian bertulis
- huraian atau tafsiran peta, jadual, graf atau carta.

**Instrumen
Penilaian
Penulisan**

- Digunakan untuk mengesan kemahiran bahasa dan perkembangan intelek murid yang meliputi kemahiran seperti yang berikut:

- kemahiran menulis
- menyusun idea
- penggunaan tanda baca
- perbendaharaan kata
- mengaplikasi
- mentafsir
- menilai

- Dalam menyediakan soalan-soalan yang sahih, perkara yang berikut mestilah diambil kira:

- soalan menepati kemahiran yang akan diuji
- bahasa yang digunakan jelas dan mudah difahami
- bilangan soalan sesuai dengan masa yang diperuntukkan
- aras kesukaran soalan dipelbagaikan
- skema pemarkahan disediakan

- Soalan yang digunakan dalam penilaian penulisan yang biasa dijalankan ialah:

- soalan subjektif
- soalan objektif

Guru perlu mempelbagaikan soalan yang merangkumi soalan kognitif peringkat rendah dan peringkat tinggi. Soalan yang berperingkat dapat menilai peningkatan tahap pemikiran murid. Soalan peringkat rendah dan bertumpu dapat mengesan penguasaan pengetahuan asas murid. Soalan peringkat tinggi yang bercapah boleh merangsang murid untuk memperkembang apa yang telah dipelajari dan difahami secara kritis dan kreatif.

Contoh perkataan atau frasa untuk pernyataan Hasil Pembelajaran

Aras Kemahiran Domain Kognitif	Cadangan frasa atau perkataan untuk objektif perlakuan yang boleh diukur	
Mengetahui <ul style="list-style-type: none"> • Mengingati kembali 	Mentakrif Memerihal Mengenal pasti Melabel Menyenarai Melakar	Memadan Menama Menyatakan Melukis Menulis
Memahami <ul style="list-style-type: none"> • Menterjemahkan bahan atau idea daripada satu bentuk ke bentuk lain; mentafsir bahan atau idea; merangkakan trend masa depan 	Mengubah Menganggar Menerangkan Memberi contoh Mengukur Menyukat Menentukan Menukar	Membanding dan membeza Menambah Meramalkan Membuat inferens Menghubungkan Mencirikan Mengelas
Mengaplikasi <ul style="list-style-type: none"> • Menggunakan bahan atau idea dalam situasi yang baru dan konkrit 	Mengira Menunjuk cara Mengubahsuai Menghitung	Menjana idea Mengitlak Menjelaskan dengan contoh

Aras Kemahiran Domain Kognitif	Cadangan frasa atau perkataan untuk objektif perlakuan yang boleh diukur	
<p>Menganalisis</p> <ul style="list-style-type: none"> Mengasingkan maklumat kepada komponen-komponennya untuk memahami struktur organisasinya dan perhubungan antara komponen 	<p>Mencerakin Menjelaskan melalui contoh Memilih Mengasingkan Membuat andaian Menghuraikan Mengawal pembolehubah</p>	<p>Membuat urutan Menyusun mengikut keutamaan Menggunakan perhubungan ruang dan masa Membuat kesimpulan Menyelesaikan masalah</p>
<p>Mensintesis</p> <ul style="list-style-type: none"> Menggabungkan komponen-komponennya untuk menghasilkan keseluruhan idea atau struktur yang baru dan kreatif 	<p>Menggabungkan Merancang Meringkaskan Membina Merangkakan Berkomunikasi Mengeksperimen Menganologi</p>	<p>Mereka cipta Mengkonsepsikan Membuat gambaran mental Mendefinisikan secara operasi Membuat hipotesis Mereka bentuk</p>
<p>Menilai</p> <ul style="list-style-type: none"> Menilai idea/bahan maklumat/kaedah berdasarkan kriteria yang spesifik untuk tujuan yang tertentu 	<p>Menaksir Mengkritik Mentafsir Mewajarkan</p>	<p>Mengesan kecondongan Membuat keputusan Menyokong</p>

Sumber: Pusat Perkembangan Kurikulum, KPM (2001) : Pelaksanaan Pembelajaran Masteri dalam Pengajaran dan Pembelajaran Sains.

- Merekod ialah aktiviti mencatat maklumat secara bersistem berkaitan dengan perkembangan, kebolehan, kemajuan dan pencapaian murid.
- Maklumat dalam rekod perlu dikemas kini untuk memudahkan guru membuat rujukan tentang pembelajaran murid.
- Maklumat dalam rekod perlu dianalisis dan ditafsir untuk tujuan tindakan susulan dan pelaporan.
- Merekod boleh dibuat dalam bentuk yang berikut:
 - membuat pernyataan
 - menanda dengan menggunakan simbol
 - memberi markah
 - memberi gred
- Rekod boleh dibuat dalam dokumen seperti yang berikut:
 - buku rekod mengajar
 - buku latihan mengajar
 - laporan kemajuan murid
 - buku catatan guru
 - senarai semak
 - rekod prestasi
 - rekod profil
- Aktiviti merekod dilakukan dari semasa ke semasa supaya maklumat menyeluruh tentang penguasaan pembelajaran murid terkumpul dan mudah dirujuk apabila diperlukan.

MEREKOD



MELAPOR

- Pelaporan ialah proses penyampaian maklumat penilaian dari semasa ke semasa tentang perkembangan pengetahuan, kemahiran, nilai, sikap dan pencapaian murid.
- Maklumat untuk pelaporan diperoleh daripada rekod penilaian.
- Pelaporan perlu dilakukan dari semasa ke semasa mengikut keperluan untuk membolehkan murid, pihak sekolah dan ibu bapa mengambil tindakan susulan yang sewajarnya.
- Guru melapor kepada:
 - murid sendiri
 - ibu bapa
 - pihak tertentu
- Guru melaporkan perkara-perkara yang relevan berkaitan murid merangkumi kekuatan dan kelemahan pembelajaran. Antaranya ialah:
 - prestasi akademik
 - pernyataan tentang minat, sikap dan perlakuan
 - cadangan memperkembang potensi murid

- Pelaporan boleh dilakukan secara lisan atau bertulis dalam bentuk:

- markah
- pernyataan
- gred
- pernyataan dan gred

- Laporan bertulis boleh dibuat dalam:

- buku laporan kemajuan murid
- rekod profil
- laporan ringkas oleh guru mata pelajaran atau guru kelas

Kadar pembelajaran setiap murid adalah berbeza. Semasa menjalankan penilaian guru boleh mengenal pasti murid yang belum menguasai dan murid yang telah menguasai perkara yang telah diajarkan. Seterusnya guru boleh menjalankan tindakan susulan yang sesuai.

Tindakan susulan adalah aktiviti pemulihan, pengukuhan dan pengayaan. Aktiviti pemulihan dirancang bagi membantu murid mengatasi masalah pembelajaran agar kelemahan murid tidak terus terhimpun. Aktiviti pengukuhan menyumbang kepada pengukuhan pengetahuan dan kemahiran yang telah dikuasai. Aktiviti pengayaan dirancang untuk memberi peluang kepada murid menjalani aktiviti yang lebih mencabar.

Tindakan susulan adalah bersifat formatif dan berasaskan penilaian rujukan kriteria. Penilaian rujukan kriteria mengukur pencapaian berasaskan hasil pembelajaran yang ditetapkan. Kriteria-kriteria tersebut dijadikan tahap pencapaian dan sasaran yang digunakan oleh guru untuk menentukan sama ada seseorang murid telah menguasai sesuatu kemahiran.

**BENTUK
PELAPORAN**

**TINDAKAN
SUSULAN**

**BENTUK
TINDAKAN
SUSULAN**

Dalam mengendalikan tindakan susulan guru boleh:

- mengubah objektif pengajaran dan pembelajaran mengikut kebolehan murid.
- menggunakan pelbagai teknik pengajaran yang lebih berkesan bersesuaian dengan kebolehan murid.
- menggunakan bahan-bahan pengajaran dan pembelajaran yang menarik dan bersesuaian dengan keperluan dan kebolehan murid.
- menggunakan bahasa yang sesuai dengan tahap penguasaan murid.
- memberi perhatian dan bimbingan yang rapi secara individu atau kumpulan.
- memberi peluang yang cukup kepada murid untuk mengukuhkan kemahiran yang diperolehi.

**TINDAKAN
SUSULAN
SERTA-MERTA**

Tindakan susulan boleh dijalankan secara serta-merta atau dirancang.

Guru perlu sentiasa peka untuk memberi teguran dan bimbingan kepada murid tentang keadaan dan kelemahan tertentu jika perlu semasa atau selepas proses pengajaran dan pembelajaran. Contohnya guru menegur dengan serta-merta kesilapan sebutan murid, guru menegur dan membetulkan cara menggunakan peralatan sains.

**TINDAKAN
SUSULAN
TERANCANG**

Selepas maklumat penilaian dianalisis, kekuatan dan kelemahan murid dapat dikenal pasti. Seterusnya, guru merancang dan memberikan aktiviti tindakan susulan yang sesuai mengikut keperluan murid. Guru perlu mengambil kira murid yang berlainan kebolehan, gaya pembelajaran dan pelbagai kecerdasan. Misalnya, murid yang telah menguasai sesuatu kemahiran diberi pengukuhan dan pengayaan, murid yang belum menguasai perlu diberi pemulihan.

**PENILAIAN
BERBENTUK
URK**

Dalam PKS penilaian berbentuk Ujian Rujukan Kriteria (URK) digunakan untuk mengetahui sejauh mana murid telah menguasai sesuatu kemahiran atau topik. Pendekatan ini memberi maklumat tentang penguasaan murid berdasarkan kriteria yang ditetapkan oleh guru.

Kriteria tersebut berasaskan hasil pembelajaran yang terdapat dalam SP dan HSP. Maklumat penilaian boleh membantu guru menentukan sama ada murid berkenaan perlu diajar semula ataupun sudah boleh beralih dan maju ke topik seterusnya. Guru dapat mengambil tindakan susulan yang sesuai untuk mengatasi kelemahan pembelajaran serta mengukuhkan dan memperkaya kekuatan pembelajaran. Konsep tindakan susulan selaras dengan konsep pembelajaran masteri yang berfokus kepada penguasaan murid dalam sesuatu perkara.

Penilaian rujukan kriteria berkait rapat dengan pembelajaran masteri. Dalam pembelajaran masteri, pendekatan pengajaran dan pembelajaran berfokuskan kepada penguasaan murid dalam sesuatu perkara.

Pembelajaran masteri berasaskan kepada kepercayaan bahawa setiap murid mempunyai kebolehan untuk menguasai perkara yang diajarkan sekiranya ada masa yang mencukupi, dan pengajaran dan pembelajaran yang berkesan.

Ciri-ciri Pembelajaran Masteri boleh diringkaskan seperti yang berikut :

- Dilaksanakan berasaskan tahap kemajuan seseorang murid.
- Bahan pembelajaran yang dibahagikan kepada unit-unit pembelajaran daripada yang mudah kepada yang lebih sukar.
- Menggunakan ujian formatif untuk mengesan kemajuan murid.
- Menggunakan maklum balas yang tepat tentang apa yang telah atau belum dikuasai oleh murid.
- Melaksanakan aktiviti pemulihan dan menjalankan aktiviti pengayaan mengikut tahap penguasaan murid.

**PERKAITAN URK
DENGAN
PEMBELAJARAN
MASTERI**

**UJIAN
RUJUKAN
NORMA**

Ujian rujukan norma juga digunakan dalam PKS. Ujian rujukan norma merujuk kepada ujian yang mengukur pencapaian seseorang murid berbanding pencapaian murid lain dalam sesuatu kumpulan. Dalam pelaksanaan PKS, ujian rujukan norma digunakan untuk penilaian yang bersifat sumatif seperti dalam ujian pada akhir tahun untuk tujuan pemilihan dan penempatan murid. Ujian rujukan norma juga digunakan semasa proses menentukan aras kesukaran item dalam menghasilkan set soalan yang bermutu.

**PENILAIAN
KENDIRI**

1. Bagaimanakah penilaian berikut dijalankan ?
 - Penilaian secara lisan
 - Penilaian secara pemerhatian
 - Penilaian secara penulisan
2. Berikan aspek-aspek yang sesuai dinilai melalui setiap kaedah di atas.

UNIT 4

ANALISIS ITEM

Analisis item dilakukan berdasarkan respons murid dengan tujuan untuk:

- mengkaji ciri item sama ada sesuai atau tidak untuk dijadikan alat mengukur penguasaan murid.
- menentukan kualiti item yang melibatkan kesahan dan kebolehpercayaan item.
- menentukan kualiti item yang melibatkan kesahan dan kebolehpercayaan item.
- Mengenal pasti item yang sukar atau senang dan item yang boleh membezakan antara murid yang berprestasi tinggi dan rendah.
- menambahkan koleksi item yang baik untuk disimpan dalam bank item bagi tujuan digunakan semula.

Bagi item objektif yang skornya berbentuk dikotomus, aras kesukaran item ditakrifkan sebagai peratus atau kadar bilangan murid yang memberi respons dengan betul, kadaran tersebut dipanggil indeks kesukaran item.

Contoh:

Item A yang direspons betul oleh 80 daripada 100 orang murid, indeks kesukarannya ialah 80% atau 0.8.

Item B yang direspons betul oleh 30 daripada 100 orang murid, indeks kesukarannya ialah 30% atau 0.3.

TUJUAN ANALISIS
ITEM

INDEKS KESUKARAN
ITEM OBJEKTIF

INDEKS
KESUKARAN
ITEM SUBJEKTIF

Pengiraan di atas menunjukkan :

- Item A lebih mudah daripada item B. Aras kesukaran item B lebih tinggi daripada item A.

Bagi item subjektif yang skornya boleh bernilai 0, 1, 2, 3, atau tidak dikotomus, indeks kesukarannya ditentukan dengan mencari peratus skor min (skor purata) atau kadar skor min.

$$\text{Indeks kesukaran item } (K) = \frac{\text{Skor Purata}}{\text{Skor Maksimum}}$$

Contoh: Satu item yang skor maksimumnya 5 direspons oleh 10 orang murid dengan skor masing-masing 2, 2, 0, 1, 3, 4, 0, 2, 1 dan 5 maka :

$$\text{Skor Purata} = \frac{2 + 2 + 0 + 1 + 3 + 4 + 0 + 2 + 1 + 5}{10} = 2$$

Indeks kesukaran item (K)

$$= \frac{2}{5} \text{ atau } \frac{2}{5} \times 100\% = 0.4 \text{ atau } 40\%$$

0.4 ialah indeks kesukaran dalam bentuk kadaran skor min. 40% ialah indeks kesukaran yang dinyatakan dalam bentuk peratusan skor min. Item yang mempunyai indeks kesukaran 0.7 ke atas dikelaskan sebagai mempunyai aras kesukaran rendah atau item itu mudah. Item yang mempunyai indeks kesukaran 0.3 ke bawah dikelaskan sebagai mempunyai aras kesukaran yang tinggi. Item yang mempunyai indeks kesukaran di antara dua nilai di atas dianggap mempunyai aras kesukaran sederhana. (Lihat jadual di bawah)

Indeks Kesukaran	Aras Kesukaran
0.3 ke bawah	Tinggi
0.31 – 0.69	Sederhana
0.7 ke atas	Rendah

Pengiraan indeks kesukaran beberapa item boleh dilakukan secara manual atau menggunakan komputer. Secara manual pengiraan itu boleh dilakukan dalam bentuk jadual seperti di bawah.

**MENENTUKAN
INDEKS
KESUKARAN
ITEM OBJEKTIF**

Nama Murid	Item 1	Item 2	Item 3
1. Ali	1	1	0
2. Baba	1	1	0
3. Chin	1	0	1
4. Daud	1	0	0
5. Elbert	0	1	0
6. Fara	1	1	1
7. Gan	1	0	0
8. Hazim	0	1	0
9. Izam	1	0	0
10. Jaya	1	1	0
Jumlah betul	8	6	2
Indeks Kesukaran	0.8	0.6	0.2

**MENENTUKAN
INDEKS KESUKARAN
ITEM SUBJEKTIF**

Nama Murid	Skor Murid		
	Item 1 (Markah Penuh 5)	Item2 (Markah Penuh 5)	Item 3 (Markah Penuh 20)
Ali	5	2	9
Baba	4	0	14
Chin	4	1	15
Daud	0	0	12
Elbert	1	0	10
Fara	3	1	8
Gan	4	1	6
Hazim	3	1	16
Izam	2	4	14
Jaya	2	6	18
Jumlah	28	17	122
Skor Min	$\frac{28}{10} = 2.8$	$\frac{17}{10} = 1.7$	$\frac{122}{10} = 12.2$
Indeks Kesukaran	$\frac{2.8}{5} = 0.56$	$\frac{1.7}{5} = 0.34$	$\frac{12.2}{20} = 0.61$

Pengiraan seperti dalam jadual di atas boleh juga dibuat oleh komputer dengan perisian hamparan elektronik seperti Excel atau perisian lain.

**INDEKS
DISKRIMINASI ITEM**

Indeks diskriminasi item dapat membezakan murid berpencapaian rendah daripada murid berpencapaian tinggi. Ini dapat dirumuskan dalam jadual di bawah.

Jenis Item	Nisbah Murid Yang Menjawab Dengan Betul Item Tersebut
Diskriminasi positif	Murid berpencapaian tinggi > Murid berpencapaian rendah
Diskriminasi negatif	Murid berpencapaian tinggi < Murid berpencapaian rendah
Tiada diskriminasi	Murid berpencapaian tinggi = Murid berpencapaian rendah

Item yang mempunyai keupayaan diskriminasi yang baik adalah jika item tersebut dapat dijawab oleh kebanyakan murid yang mempunyai pencapaian tinggi.

Langkah-langkah menentukan aras diskriminasi sesuatu item adalah seperti yang berikut:

1. Susun kertas ujian mengikut markah tertinggi kepada markah terendah.
2. Bahagikan kertas ujian tersebut kepada dua kumpulan yang sama banyak, setengah kumpulan (50%) markah tinggi dan setengah kumpulan lagi (50%) markah rendah. Kaedah ini sesuai untuk analisis bagi satu kelas. Sekiranya terdapat banyak kertas ujian yang perlu dianalisis, memadai dipilih 25% atau 33% kumpulan markah tertinggi dan terendah untuk dianalisis.
3. Kirakan nilai indeks kesukaran (K) bagi setiap kumpulan markah tertinggi (K_t) dan terendah (K_r).
4. Cari perbezaan nilai K bagi kedua-kedua kumpulan tersebut untuk mendapat nilai indeks diskriminasi iaitu:

$$D = K_t - K_r$$

Nota :

- D = Indeks Diskriminasi item
- K_t = Indeks kesukaran item bagi kumpulan pencapaian tinggi
- K_r = Indeks kesukaran item bagi kumpulan pencapaian rendah

**LANGKAH-
LANGKAH
MENENTUKAN
INDEKS
DISKRIMINASI**

Penilaian item berdasarkan indeks diskriminasi (D) boleh dirumuskan seperti yang berikut:

Indeks Diskriminasi (D)	Penilaian Item
0.40 dan ke atas	Sangat baik
0.30 0.39	Baik dan boleh diperbaiki
0.20 0.29	Marginal perlu dibaiki
0.19 ke bawah	Lemah, tidak boleh diterima atau perlu semakan semula

Sumber : Ebel et. Al. (1991)
Essentials of Educational Measurement

Contoh:

Jika terdapat 40 orang murid dalam satu kelas, bahagikan mereka kepada dua kumpulan iaitu 20 murid pencapaian tinggi dan 20 murid pencapaian rendah. Misalnya bagi item 8, 16 murid dari kumpulan berpencapaian tinggi dapat menjawab dengan betul manakala hanya 4 orang murid dari kumpulan berpencapaian rendah yang menjawab betul bagi item tersebut. Maka:

$$K_t = \frac{16}{20} = 0.8 \text{ atau } (80\%)$$

$$K_r = \frac{4}{20} = 0.2 \text{ atau } (20\%)$$

$$D = K_t - K_r = 0.8 - 0.2 = 0.6$$

(Kesimpulannya item 8 adalah item yang baik)

Bagi item aneka pilihan, pengganggu kepada jawapan juga perlu dianalisis untuk menentukan kualiti item tertentu.

Contoh

Item 7		Pilihan Jawapan			
		A	B *	C	D
15	murid pencapaian tinggi	2	5	0	8
15	murid pencapaian rendah	5	10	0	0

* Jawapan betul

$$K = \frac{15}{30} = 0.5$$

$$D = Kt - Kr$$

$$= \frac{5}{15} - \frac{10}{15} = 0.33 - 0.66 = -0.33$$

Analisis item 7

1. Pilihan A boleh diterima
2. Pilihan B (jawapan betul) dipilih oleh kebanyakan murid lemah
3. Pilihan C tidak menjadi pengganggu
4. Pilihan D perlu disemak kerana hanya dipilih oleh murid pandai
5. Kesimpulannya item 7 adalah item yang tidak baik kerana mempunyai nilai D yang negatif (diskriminasi negatif) dan item ini perlu dikeluarkan atau disemak semula.

1. Bagaimanakah menentukan aras kesukaran bagi:
 - (i) item objektif ?
 - (ii) item subjektif ?
2. Bagaimanakah menentukan indeks diskriminasi?

**ANALISIS
PENGANGGU
BAGI ITEM
ANEKA PILIHAN**

**PENILAIAN
KENDIRI**

UNIT 5

RUMUSAN

Ringkasan dalam bentuk jadual yang dipaparkan dalam unit ini meliputi beberapa aspek penting mengenai PKS untuk mengukuhkan kefahaman dan kemahiran guru dalam melaksanakan PKS di sekolah.

Penilaian Secara Pemerhatian

Megesan Serta-Merta	Megesan Kemajuan	Megesan Pencapaian
<p>Tujuan Megesan penguasaan hasil pembelajaran dengan serta-merta dalam pengajaran harian</p> <p>Contoh</p> <ul style="list-style-type: none"> • memerhati sikap dan perlakuan murid • memerhati kemahiran murid melakukan aktiviti yang dijalankan <p>Bagaimana</p> <ul style="list-style-type: none"> • dirancang jika perlu • secara individu atau kumpulan • tidak memerlukan instrumen yang khusus <p>Merekod dan melapor</p> <ul style="list-style-type: none"> • direkod jika perlu • dilapor jika perlu <p>Tindakan susulan</p> <ul style="list-style-type: none"> • perlu tindakan serta-merta seperti : <ul style="list-style-type: none"> - bimbingan, teguran dan nasihat jika murid tersilap - pujian terhadap kebaikan murid 	<p>Tujuan Megesan kekuatan dan kelemahan selepas beberapa pembelajaran</p> <p>Contoh</p> <ul style="list-style-type: none"> • menilai: <ul style="list-style-type: none"> - kemahiran pergerakan dalam PJ - aspek amali dalam Pendidikan Islam - kemahiran manipulatif <p>Bagaimana</p> <ul style="list-style-type: none"> • perlu dirancang • secara individu atau kumpulan • menggunakan instrumen tertentu seperti: <ul style="list-style-type: none"> - senarai semak - skala kadar - catatan guru - rekod anekdot • contoh instrumen pemerhatian <p>Merekod dan melapor</p> <ul style="list-style-type: none"> • perlu direkod • dilapor jika perlu <p>Tindakan susulan</p> <ul style="list-style-type: none"> • perlu tindakan susulan • bentuk tindakan susulan 	<p>Tujuan Megesan pencapaian selepas beberapa pembelajaran</p> <p>Contoh</p> <ul style="list-style-type: none"> • menilai: <ul style="list-style-type: none"> - kemahiran pergerakan dalam PJ - aspek amali dalam pendidikan Islam - kemahiran manipulatif <p>Bagaimana</p> <ul style="list-style-type: none"> • perlu dirancang • secara individu • menggunakan instrumen seperti: <ul style="list-style-type: none"> - senarai semak - skala kadar <p>Merekod dan melapor</p> <ul style="list-style-type: none"> • perlu direkod • perlu dilapor <p>Tindakan susulan</p> <ul style="list-style-type: none"> • dilakukan jika perlu


Penilaian Secara Lisan

Mengesan Serta-Merta	Mengesan Kemajuan	Mengesan Pencapaian
<p>Tujuan Mengesan penguasaan hasil pembelajaran dengan serta-merta semasa pengajaran harian</p> <p>Contoh</p> <ul style="list-style-type: none"> menilai kebolehan murid bertutur melalui: <ul style="list-style-type: none"> soalan lisan perbincangan kuiz <p>Bagaimana</p> <ul style="list-style-type: none"> dirancang jika perlu secara individu atau kumpulan tidak memerlukan instrumen yang khusus <p>Merekod dan melapor</p> <ul style="list-style-type: none"> direkod jika perlu dilapor jika perlu <p>Tindakan susulan</p> <ul style="list-style-type: none"> bimbingan, teguran dan nasihat jika murid tersilap pujian jika sudah menguasai atau bila murid berkelakuan baik 	<p>Tujuan Mengesan kekuatan dan kelemahan selepas beberapa pembelajaran</p> <p>Contoh</p> <ul style="list-style-type: none"> menilai kebolehan bertutur melalui aktiviti seperti: <ul style="list-style-type: none"> syarahan lakonan dan bercerita menilai kefasihan menghafal melalui aktiviti: <ul style="list-style-type: none"> bacaan kuat kuiz hafazan <p>Bagaimana</p> <ul style="list-style-type: none"> perlu dirancang secara individu atau kumpulan menggunakan instrumen tertentu seperti: <ul style="list-style-type: none"> senarai semak skala kadar <p>Merekod dan melapor</p> <ul style="list-style-type: none"> perlu direkod dilapor jika perlu <p>Tindakan susulan</p> <ul style="list-style-type: none"> perlu tindakan susulan 	<p>Tujuan</p> <ul style="list-style-type: none"> mengesan pencapaian selepas beberapa pencapaian <p>Contoh</p> <ul style="list-style-type: none"> menilai aspek yang perlu seperti: <ul style="list-style-type: none"> bacaan dalam Bahasa Melayu hafazan dalam pendidikan Islam <p>Bagaimana</p> <ul style="list-style-type: none"> perlu dirancang secara individu dijalankan dengan menggunakan alat ujian lisan <p>Merekod dan melapor</p> <ul style="list-style-type: none"> perlu direkod perlu dilapor <p>Tindakan susulan</p> <ul style="list-style-type: none"> dilakukan jika perlu

Penilaian Penulisan

Mengesan Serta-Merta	Mengesan Kemajuan	Mengesan Pencapaian
<p>Tujuan Mengesan penguasaan hasil pembelajaran dengan serta-merta semasa pengajaran harian</p> <p>Contoh</p> <ul style="list-style-type: none"> menilai kefahaman dan pengetahuan serta kemahiran berbahasa melalui hasil kerja murid <p>Bagaimana</p> <ul style="list-style-type: none"> dirancang jika perlu secara individu dan kumpulan tidak memerlukan instrumen yang khusus <p>Merekod dan melapor</p> <ul style="list-style-type: none"> perlu direkod dilaporkan jika perlu <p>Tindakan susulan</p> <ul style="list-style-type: none"> perlu tindakan serta-merta seperti: <ul style="list-style-type: none"> bimbingan teguran nasihat pujian 	<p>Tujuan Mengesan kekuatan dan kelemahan selepas beberapa pembelajaran</p> <p>Contoh</p> <ul style="list-style-type: none"> menilai laporan bertulis menilai murid melalui ujian bertulis: <ul style="list-style-type: none"> Ujian Objektif Ujian Subjektif <p>Bagaimana</p> <ul style="list-style-type: none"> perlu dirancang secara individu atau kumpulan menggunakan instrumen tertentu seperti: <ul style="list-style-type: none"> lembaran kerja ujian bertulis <p>Merekod dan melapor</p> <ul style="list-style-type: none"> perlu direkod dilaporkan jika perlu <p>Tindakan susulan</p> <ul style="list-style-type: none"> perlu tindakan susulan 	<p>Tujuan Mengesan pencapaian selepas beberapa pembelajaran</p> <p>Contoh</p> <ul style="list-style-type: none"> penilaian dijalankan melalui ujian bertulis berbentuk: <ul style="list-style-type: none"> Ujian Objektif Ujian Subjektif <p>Bagaimana</p> <ul style="list-style-type: none"> Perlu dirancang Secara individu Menggunakan ujian bertulis <p>Merekod dan melapor</p> <ul style="list-style-type: none"> perlu direkod perlu dilapor <p>Tindakan susulan</p> <ul style="list-style-type: none"> harus diambil jika perlu

Bentuk Tindakan Susulan



Penilaian Kendalian Sekolah	Penilaian Berpusat
1. Mengesan perkembangan dan penguasaan murid secara menyeluruh	1. Mengesan pencapaian kognitif
2. Berasaskan ujian rujukan kriteria	2. Berasaskan ujian rujukan norma
3. Berbentuk formatif	3. Berbentuk sumatif
4. Menggunakan pelbagai kaedah	4. Terhadap kepada ujian bertulis
5. Untuk tujuan tindakan susulan	5. Untuk tujuan pemilihan, perbandingan dan pengaliran (streaming)
6. Dikendalikan oleh guru	6. Dikendalikan oleh Lembaga Peperiksaan

BAHAN RUJUKAN

Bahagian ini menyenaraikan bahan-bahan yang berkaitan dengan penilaian untuk rujukan guru.

Black, H.D. (1986). Assessment for learning, in D.L. Nuttall (Ed).
Assessing Educational Achievement. London : Palmer, pp 18-19

Black, P. & William, D. (1998). Assessment and classroom learning,
Assessment In education 5(1). pp 7-74

Black, P.J. (1993). Formative and summative assessment by teachers,
Studies In Science Education. 21: 49-97

Bloom, Benjamin S. (1956). Taxonomy of Educational Objectives
Handbook, in *Cognitive Domain*. New York : Harper and Row.

Choate, Joyce S., Bennett, Toni, Z., Enright, Brian, E., Miller, Lamoine J.,
Poteet, James A., Rakes, Thomas A. (1987). *Assessing and
Programming Basic Curriculum Skills*. Massachusettes : Allyn and
Bacon.

Ebel, Robert L. & Frisbie David A. (1991). *Essentials of Educational
Measurement*. Prentice Hall.

Gronlund, Norman E. (1971). *Measurement and Evaluation in Teaching*.
New York: Macmillan Company.

Kementerian Pendidikan Malaysia. (1983). *Kurikulum Baru Sekolah
Rendah: Matlamat Rasional Bidang Pelajaran dan Strategi
Pengajaran dan Pembelajaran*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa
dan Pustaka.

Lee Shok Mee & Mok Soon Sang, (1989). *Pengujian dan Penilaian Dalam
Pendidikan*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman

Mohd Najib Ghafar (1997). *Pembinaan dan Analisis Ujian Bilik Darjah*.
UTM, Skudai.

Ng See Ngean, (1991). *Pengukuran dan Penilaian Dalam Pendidikan*.
Kuala Lumpur : Fajar Bakti

Pusat Perkembangan Kurikulum (1996). *Buku Panduan Penilaian
Kendalian Sekolah Rendah*. Kuala Lumpur

- Pusat Perkembangan Kurikulum (1996). *Buku Panduan Penilaian Kendalian Sekolah Menengah*. Kuala Lumpur
- Pusat Perkembangan Kurikulum (1994). *Laporan Kajian Pelaksanaan Penilaian Kendalian Sekolah Menengah (PKSM)*. Kuala Lumpur
- Pusat Perkembangan Kurikulum, (1996). *Buku Panduan Kajian Sejarah Tempatan SMR*. Kuala Lumpur
- Pusat Perkembangan Kurikulum, (1996). *Buku Panduan Kajian Geografi Tempatan SMR*. Kuala Lumpur
- Pusat Perkembangan Kurikulum, (1999). *Panduan Penyediaan Folio Reka Cipta SMA*. Kuala Lumpur
- Satterly, David. (1985). *Assessment in Schools*. Oxford & New York : Basil, Blackwell
- Yap Yee Khiong, Wan Chee Seng & Ismail Abu Bakar (1987). *Pengukuran dan Penilaian Dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur : Longman

LAMAN WEB

<http://www.aac.ab.ca/class.html>

<http://www.cityu.edu.hk>

http://www.freerepublic.com/forum_a3763399357a9.htm

<http://www.sdcoe.k12ca.us/notes/5/portfolio.html>

<http://www.pcs.k12.nj.us/charter/node7.html>

LAMPIRAN I

Contoh Senarai Semak Penilaian Lisan Bahasa Melayu

Bil	Nama Murid	Kemahiran					Petunjuk Kemahiran
		1	2	3	4	5	
1	<u>Sani</u>						1. Memberi arahan dengan betul dan bertatasusila 2. Memberi arahan mengikut urutan 3. Menyoal untuk mendapatkan maklumat 4. Mendengar pesanan dan menyampaikannya dengan menggunakan perkataan sendiri 5. Bercerita berpandukan gambar
2	Lamsun						
3	Zaleha						
4	Latifah						
5	Gunalan						
6	Damit						

Contoh Senarai Semak Penilaian Lisan Pendidikan Muzik

Nama	Kemahiran					Catatan
	Pic	Sebutan	Ekspresi	Postur	Kelancaran	
Anis						
Mei Leng						
Faisal						
Epoy						

Contoh Skala Kadar Untuk Menilai Kesungguhan Menjalankan Tugas Penulisan

KEMAHIRAN DALAM PENULISAN	Rendah ← → Tinggi					ULASAN
	1	2	3	4	5	
Menampilkan idea dengan jelas						
Melakukan latihan secara serius						
Menggunakan bahasa yang tidak agresif						
Mematuhi arahan penulisan						
Tugas lengkap						

LAMPIRAN II

CONTOH-CONTOH SOALAN PENILAIAN SEKOLAH RENDAH: ANALISIS MENGIKUT ARAS TAKSONOMI

Questions 1-2

Read the dialogues below carefully and choose the **most suitable** occupation mentioned from the list given below. Write down the question number in the brackets next to the answer. Choose only ONE answer for each question.

Baca dialog yang diberi dengan teliti dan pilih pekerjaan yang **paling sesuai** daripada senarai yang diberi di bawah. Tuliskan **nombor** soalan di dalam kurungan yang disediakan di sebelah jawapan. Pilih **SATU** jawapan sahaja bagi setiap soalan.

1

I like your uniform. It must be great to be able to travel around the world.

That's true, and I also enjoy serving the passengers on the plane.

← Analysis

2

I hope you've learnt your script well.

Oh. yes! I want to give a good performance


← Analysis

Actor	()	Pilot	()
Singer	()	Waitress	()
Model	()	Stewardess	()

Questions 3-7

Look at the picture carefully. Based on the picture and the passage given, fill in the blanks with your own words. You must write only **ONE** word for **ONE** blank.

Lihat gambar dengan teliti. Berdasarkan gambar dan petikan yang diberi, isikan tempat kosong. Kamu hendaklah menulis hanya **SATU** perkataan bagi tiap-tiap **SATU** tempat kosong.



Aplikasi

Last weekend, Latiff invited 3 friends to help pluck mangoes at his house. The boys were very happy to 4 him. There were many mangoes on the 5 . Two 6 the boys used bamboo sticks while the other two used ladders to pluck the mangoes. Latiff's sister, Lina, collected 7 mangoes that fell on the ground and put them in a basket.

Soalan 8 hingga Soalan 9

Pilih jawapan yang **paling sesuai** untuk diisikan ke tempat kosong dalam ayat di bawah.

8. Pelancong barat lebih suka _____ di bawah matahari.

- A dijemur
- B berjemur
- C terjemur
- D menjemur

Pengetahuan

9. Perhimpunan itu telah dihadiri oleh orang ramai termasuk beberapa orang _____ .

- A bernama
- B kenamaan
- C penamaan
- D penama

Pengetahuan

Soalan 10 dan Soalan 11

Pilih ayat yang **paling sesuai** sebagai jawapan kepada soalan yang **bergaris**.

10. Apakah yang merunsingkan fikiran kamu ?

- A Fikiran saya runsing kerana kekurangan belanja
- B Ya, fikiran saya runsing kerana kekurangan belanja.
- C Fikiran dia runsing kerana kekurangan belanja.
- D Memang benar fikiran kamu runsing kerana kekurangan belanja.

Aplikasi

11. Siapakah pemenang pertandingan memancing itu ?

- A Saya pasti Jasman akan memenangi pertandingan memancing itu.
- B Saya rasa Jasman yang memenangi pertandingan memancing itu.
- C Yang memenangi pertandingan memancing itu ialah Jasman.
- D Yang akan memenangi pertandingan memancing itu ialah Jasman.

Aplikasi

Soalan 12 dan Soalan 13

Pilih ayat yang **paling sesuai** sebagai soalan kepada soalan yang **bergaris**.

12. Fahmi pergi ke hospital kerana melawat datuknya yang sedang sakit.

- A Ke manakah Fahmi pergi ?
- B Apakah tujuan Fahmi pergi ke hospital ?
- C Siapakah yang pergi ke hospital ?
- D Fahmi berada di hospital ?

Kefahaman

13. Murid-murid itu mengkaji kitar hidup rama-rama .

- A Bagaimanakah murid-murid mengkaji kitar hidup rama-rama?
- B Apakah yang dikaji oleh murid-murid itu ?
- C Mengapakah kitar hidup rama-rama dikaji oleh murid-murid itu ?
- D Benarkah murid-murid itu mengkaji kitar hidup rama-rama ?

Kefahaman

14.

Bongkah	Bilangan permukaan rata	Bilangan bucu
Piramid tapak segi empat sama	5	5
Silinder	2	0
Kubus	8	6
Kon	1	1

JADUAL 1

Muthu mencatatkan ciri-ciri bongkah seperti dalam Jadual 1.

Antara berikut, bongkah yang manakah cirinya silap dicatatkan?

- A Piramid tapak segiempat sama
- B Silinder
- C Kubus
- D Kon


Analisis

15.

Barang	Kuantiti	Jumlah harga
Baju	2	
Topi	1	RM12.50

JADUAL 2


Jadual 2 yang tidak lengkap menunjukkan barang yang dibeli oleh Encik Lam. Pada asalnya Encik Lam ada RM345. Selepas membeli barang-barang di atas, wangnya masih ada sebanyak RM180.



Berapakah harga sehelai baju yang dibelinya itu?

- A RM55.00
- B RM76.25
- C RM82.50
- D RM152.50

16.



RAJAH 1


Rajah 1 terdiri daripada petak-petak segi tiga sama sisi yang sama besar. Rozi dikehendaki melorek 12% daripada keseluruhan rajah itu. Bahagian berlorek pada rajah menunjukkan hasil lorekan Rozi.



Antara berikut, pernyataan yang manakah benar?

- A Rozi terlebih lorek 2 petak
- B Rozi terlebih lorek 3 petak
- C Rozi terkurang lorek 2 petak
- D Rozi terkurang lorek 7 petak

17.



RAJAH 2

Rajah 2 menunjukkan satu peta jalan mencari harta karun. Chong bermula dari Stesen 1 dan sepatutnya terus ke Stesen 3, tetapi dia telah tersesat selepas Stesen 2 dan sampai di tempat bertanda M. Chong kemudian berpatah balik ke Stesen 2 dan terus ke Stesen 3.

Berapakah jumlah jarak, dalam km, yang Chong lalui?

- A 7.22
- B 7.28
- C 7.52
- D 7.82

Analisis

18. Antara pasangan bahan dan pelarut berikut yang manakah boleh diasingkan melalui proses penurasan?

Bahan	Pelarut
A. Natrium	Air
B. Gula	Air
C. Batu kapur	Alkohol
D. Klorofil	Alkohol

Pengetahuan

19. Apakah yang dimaksudkan dengan teknologi?

- A. Penggunaan kaedah oleh ahli sains untuk menjalankan kajian sains.
- B. Alat komunikasi yang dicipta untuk kegunaan manusia berkomunikasi.
- C. Penggunaan pengetahuan sains untuk membantu mengatasi had keupayaan manusia.
- D. Kemudahan dalam kehidupan seharian yang didapati daripada hasil ciptaan ahli-ahli sains.

Kefahaman

20.

P	-	Tidak berkaki
Q	-	Badan bersisik
R	-	Badan berbulu
S	-	Badan berbentuk silinder

Maklumat di atas menunjukkan sifat fizikal haiwan?

Antara sifat fizikal berikut yang manakah boleh digunakan untuk mengelaskan cacing dan ular dalam kumpulan yang sama?

- A. P dan Q sahaja
- B. P dan S sahaja
- C. P, R dan S sahaja
- D. Q, R dan S sahaja



21.


Antara berikut siapakah yang memberi sumbangan dalam teknologi pengangkutan?

- I. Karl Benz
- II. Wilbur dan Orville Wright
- III. Guglielmo Marconi
- IV. Alexander Graham Bell

- A. I dan II
- B. I dan III
- C. II dan IV
- D. III dan IV



22.



Maklumat di atas menunjukkan satu rantai makanan. Apakah akan berlaku jika ular ditambah dengan banyaknya dalam rantai makanan ini?

- S Belalang berkurang
 - T Kangkung berkurang
 - U Katak berkurang
- A. S dan T sahaja
 - B. S dan U sahaja
 - C. T dan U sahaja
 - D. S, T dan U sahaja



23.

<u>Masa / Minit</u>	0	4	8	12	16	20
Suhu / °C	29	42	55	68	81	94

JADUAL 3

Jadual 3 menunjukkan suhu air yang dipanaskan. Berapakah bacaan suhu air tersebut pada minit ke – 24?

Kefahaman

- A. 94 °C
- B. 100 °C
- C. 107 °C
- D. 120 °C

24.

<u>Waktu</u>	Suhu udara kandang haiwan Y / °C	Suhu udara kandang haiwan Z / °C
7 pagi	28	28
9 pagi	27	30
11 pagi	28	33
1 petang	27	37
3 petang	28	33
5 petang	27	30

JADUAL 4

Jadual 4 menunjukkan maklumat penyiasatan tentang perubahan suhu udara kandang haiwan Y dan kandang haiwan Z pada masa yang berlainan.


Tuliskan satu inferens yang boleh dibuat untuk menerangkan perbezaan udara pada kandang haiwan Y dan kandang haiwan Z.

Sintesis

Nyatakan corak perubahan suhu udara pada kandang haiwan Y.

Penilaian

25.



RAJAH 3

Jenis permukaan	Masa yang di ambil /saat
Berpasir	5
Berminyak	3

Rajah 3 menunjukkan sebuah bongkah ditolak dari kedudukan X ke kedudukan Y. Jadual di atas menunjukkan masa yang diambil bagi pergerakan bongkah dari X ke Y. Apakah yang dapat dirumuskan tentang pergerakan bongkah itu?

Sintesis

- A. Lebih laju di atas permukaan kasar.
- B. Lebih lambat di atas permukaan licin.
- C. Lebih lambat di atas permukaan kasar.
- D. Berterusan jika tiada halangan.


26. Aishah menyidai pakaian yang telah dibasuh di ampaian.

Antara keadaan berikut yang manakah membantu mempercepat pengeringan pakaian itu?

Aplikasi

- i Sejuk
 - ii Berangin
 - iii Mendung
 - iv Panas
- A. i dan ii sahaja
 - B. i dan iii sahaja
 - C. ii dan iv sahaja
 - D. iii dan iv sahaja

27.



RAJAH 4

Rajah 4 menunjukkan carta palang ketinggian tumbuhan P,Q,R dan S yang telah ditanam berasingan.


Antara berikut pasangan tumbuhan yang manakah sesuai di tanam pada masa yang sama dalam satu tempat untuk mengurangkan persaingan?

- A. Q dan P
- B. R dan S
- C. Q dan S
- D. P dan R

Kefahaman

**CONTOH-CONTOH SOALAN
PENILAIAN SEKOLAH MENENGAH :
ANALISIS MENGIKUT ARAS TAKSONOMI**

1.



RAJAH 1

Antara organisma berikut yang manakah melakukan pembiakan yang sama jenis dengan organisma dalam Rajah 1?

- A Lalang
- B Setawar
- C Keembung
- D Paku pakis

Pengetahuan

2. Antara pasangan bahan dan pelarut berikut yang manakah boleh diasingkan melalui proses penurasan?

Bahan

Pelarut

- | | |
|---------------|---------|
| A. Natrium | Air |
| B. Gula | Air |
| C. Batu kapur | Alkohol |
| D. Klorofil | Alkohol |

Pengetahuan

3.

- Menjana kuasa elektrik
- Membekalkan air untuk kegunaan harian penduduk

Sungai manakah memainkan peranan seperti yang dinyatakan di atas?

- A. Sungai Perak
- B. Sungai Pahang
- C. Sungai Sarawak
- D. Sungai Kinabatangan

Pengetahuan

4. Jelaskan pengertian al-Quran.

Pengetahuan

5. Antara berikut yang manakah sumber kedua?

- A. Fosil
- B. Artifak
- C. Laporan
- D. Manuskrip

Pengetahuan

6. Antara perbandingan pembakaran dengan respirasi berikut, yang manakah benar?

Pembakaran

Respirasi

- A Menggunakan oksigen
- B Menghasilkan tenaga
- C Berlaku di luar sel organisma hidup
- D Berlaku dalam keadaan gelap

- Menghasilkan oksigen
- Menyerap tenaga
- Berlaku di dalam sel organisma hidup
- Berlaku dalam keadaan gelap dan terang

Kefahaman

7.

- Untuk mendapatkan air dalam tanah
- Untuk mendapatkan garam mineral dalam tanah
- Untuk mendapatkan sokongan

Maklumat di atas menunjukkan fungsi gerak balas tumbuhan.

Antara gerak balas berikut yang manakah **tidak** berkaitan dengan fungsi tersebut?

- A. Fototropisme positif
- B. Geotropisme positif
- C. Fototropisme negatif
- D. Hidrotropisme positif


8. Apakah aktiviti yang membezakan antara Zaman Logam dengan Zaman Neolitik?

- A. Memungut hasil hutan
- B. Menghasilkan tembikar
- C. Mengusahakan tanaman
- D. Menjalankan perdagangan

Kefahaman

9. Mengapakah al-Quran diturunkan secara beransur-ansur?

Kefahaman




10. Berdasarkan rajah di atas, apakah perjanjian X?

Kefahaman

- A. Perjanjian Sempadan British – Siam – 1899
- B. Perjanjian British – Siam – 1902
- C. Perjanjian Bangkok – 1909
- D. Perjanjian Burney - 1826

11.



RAJAH 2


Rajah 2 menunjukkan susunan radas untuk memerhati sebaran cahaya putih dengan menggunakan prisma kaca.

Apakah yang kelihatan di skrin sekiranya suatu kanta cembung diletakkan di antara prisma kaca dan skrin?

Aplikasi

- A. Titik putih
- B. Titik hitam
- C. Warna-warna spektrum
- D. Warna merah dan ungu

12.



RAJAH 3

Sebuah tabung uji yang ditutup ketat dimasukkan ke dalam sebuah kukus air seperti ditunjukkan dalam Rajah 3.

Aplikasi

Antara berikut yang manakah benar tentang molekul udara dalam tabung uji itu semasa pemanasan?

- I Tenaga kinetik molekul udara bertambah
- II Molekul udara melanggar dinding tabung uji dengan lebih kerap
- III Saiz molekul udara bertambah besar

- A. I, II, III
- B. I, II sahaja
- C. II, III sahaja
- D. I sahaja

13. Allah S.W.T. Maha Berkuasa dan Maha Bijaksana dalam mengurus dan mentadbirkan alam ini.


Analisis

- (i) Terangkan dua contoh membuktikan Allah S.W.T. Maha Berkuasa.
- (ii) Nyatakan kelemahan ciptaan manusia berbanding dengan ciptaan Allah S.W.T

14. Terangkan **dua** kelebihan orang yang sentiasa membaca al-Quran

Aplikasi

15.



SEMENANJUNG MALAYSIA

Antara berikut manakah faktor yang mendorong pergerakan penduduk seperti dalam peta di atas?

- A. Peluang pekerjaan dalam sektor industri
- B. Perlindungan daripada ancaman penyakit
- C. Pembukaan petempatan baru
- D. Pembinaan pusat pendidikan tinggi

Aplikasi

16.


Kedatangan Islam ke Melaka telah disambut baik oleh pemimpin dan rakyat Melaka.

Berdasarkan pernyataan di atas, apakah kesannya kepada kerajaan Melaka pada kurun ke-15?

- I. Islam menjadi agama rasmi
 - II. Tulisan Arab dijadikan tulisan jawi
 - III. Istana menjadi tumpuan intelektual
 - IV. Amalan tradisi tempatan dihapuskan
- A. I, II dan III
 - B. I, II dan IV
 - C. I, III dan IV
 - D. II, III dan IV

Penilaian

17.



RAJAH 4

Graf dalam Rajah 4 menunjukkan nilai kalori bagi empat makanan M, N, P dan Q. Antara makanan berikut yang manakah mungkin M, N, P dan Q?


<u>M</u>	<u>N</u>	<u>P</u>	<u>Q</u>
A. Ubi kentang	Tomato	Gula	Mentega
B. Ubi kentang	Tomato	Mentega	Gula
C. Tomato	Ubi kentang	Gula	Mentega
D. Tomato	Ubi kentang	Mentega	Gula

Analisis

18. Iman boleh bertambah dan berkurang.
Terangkan dua amalan yang dapat meningkatkan iman.

Penilaian

19.



RAJAH 5

Antara berikut manakah menunjukkan jenis tumbuhan semula jadi yang terdapat di kawasan yang digambarkan dalam RAJAH 5?

← Analisis

	Zon I	Zon II	Zon III
	oak, berangan	pain, sprus	pokok renek
B	oak, berangan	pokok renek	pain, sprus
C	pokok renek	oak, berangan	pain, sprus
D	pain, sprus	oak, berangan	pokok renek

20.


- Felda di Malaysia
- Komun di China

Antara berikut manakah dapat dikaitkan dengan senarai di atas?

← Sintesis

- I. Petempatan terancang
 - II. Kawasan luar bandar dibangunkan
 - III. Industri berat dimajukan
 - IV. Keluaran pertanian meningkat
- A. I, II dan III
 - B. I, II dan IV
 - C. I, III dan IV
 - D. II, III dan IV

21.



RAJAH 6


Rajah 6 menunjukkan satu bongkah kayu terletak di atas sekeping papan ringan RT yang hujungnya diletakkan di R. Daya 60 N digunakan untuk mengekalkan papan itu dalam keadaan mengufuk.

Sintesis

Berapakah berat bongkah itu? [Berat papan ringan diabaikan]


- A. 75 N
- B. 100 N
- C. 120 N
- D. 150 N

22.



RAJAH 7


Apakah kesimpulan yang dapat dibuat daripada maklumat dalam RAJAH 7 di atas?



- I. Keseragaman sistem pencukaian
- II. Kebajikan pedagang asing diutamakan
- III. Kesibukan Melaka sebagai pusat perdagangan
- IV. Kebijaksanaan pemerintahan mengendalikan perdagangan

- A. I, II dan III
- B. I, II dan IV
- C. I, III dan IV
- D. II, III dan IV

23. Antara berikut yang manakah boleh dikaitkan dengan tarikh 21 Jun?



- I. Musim panas di hemisfera utara
- II. Matahari tengah malam di kutub selatan
- III. Siang lebih panjang di hemisfera utara
- IV. Matahari berada di garisan Sartan

- A. I, II dan III
- B. II dan IV
- C. III dan IV
- D. I, III dan IV

Glosari

Pemberian angka-angka kepada objek dengan skala yang telah ditetapkan terlebih dahulu.

Pengukuran

Aktiviti untuk mendapatkan maklumat yang berguna bagi menentukan pencapaian sesuatu objektif pengajaran dan pembelajaran. Penilaian melibatkan proses mengukur dan membuat pertimbangan tentang kebolehan, kemahiran dan kefahaman murid.

Penilaian

Penilaian ini bertujuan untuk membantu dan memperbaiki proses pengajaran dan pembelajaran. Penilaian ini mengutamakan pengesanan perkembangan pembelajaran dengan serta merta bagi mengenal pasti kekuatan dan kelemahan murid.

**Penilaian
Formatif**

Penilaian ini bertujuan untuk mengesan tahap pencapaian murid pada akhir sesuatu pembelajaran atau program.

**Penilaian
Sumatif**

Ujian pencapaian murid yang dirujuk kepada sesuatu piawai yang dibentuk berdasarkan hasil pembelajaran yang ditetapkan.

**Ujian
Rujukan
Kriteria**

Ujian rujukan norma merujuk kepada ujian yang mengukur pencapaian seseorang murid berbanding pencapaian murid lain dalam sesuatu kumpulan.

**Ujian
Rujukan
Norma**

Objektif pembelajaran yang perlu dikuasai oleh murid pada akhir tempoh sesuatu pembelajaran.

**Hasil
Pembelajaran**

Pendekatan pengajaran dan pembelajaran yang memastikan murid menguasai sesuatu hasil pembelajaran yang dihasratkan dalam satu unit pembelajaran sebelum ke unit pembelajaran seterusnya.

**Pembelajaran
Masteri**

Tindakan Susulan	Aktiviti yang bertujuan untuk mengatasi kelemahan dan memperkukuh kekuatan pembelajaran.
Folio	Himpunan hasil tugas murid seperti laporan, nota dan lakaran.
Kerja Kursus	Tugas hasil individu atau kumpulan yang menunjukkan penguasaan murid dalam kemahiran-kemahiran tertentu yang telah dipelajari.
Proses	Apa yang dilakukan sepanjang masa kerja kursus untuk mendapatkan hasil tugas.
Produk	Apa yang diserahkan atau dipersembahkan oleh murid pada akhir kursus.
Jadual Penentuan Ujian	Satu carta dua hala yang menghubungkan hasil pembelajaran dengan kandungan pelajaran.

PANEL PENULIS

- Penasihat : Dr. Sharifah Maimunah Syed Zin
Pengarah
Pusat Perkembangan Kurikulum
- Pengerusi : Dr. Rohani Abdul Hamid
Timbalan Pengarah
Pusat Perkembangan Kurikulum
- Naib Pengerusi : Dr. Sharifah Nor Puteh
Pusat Perkembangan Kurikulum (PPK)
- Ahli Panel : En. Lee Chong Nim (Ketua) - PPK
Cik Hjh. Nor Azian Mohd Kamel - PPK
Tn. Hj. Abdul Zubir Abdul Ghani - PPK
En. Baharin Yahya - PPK
- Reka bentuk/
Susun atur : En. Juhari Md. Zain - PPK
- Jurutaip : En. Juhari Md. Zain - PPK
Robiah Hj. Mohamad Sarip - PPK

SENARAI NAMA MODUL DAN BUKU PENERANGAN AM

Modul dan buku penerangan am yang dihasilkan oleh PPK :

- Kemahiran Berfikir Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran
- Aplikasi Teori Kecerdasan Pelbagai Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran
- Penggunaan Teknologi Maklumat Dan Komunikasi (ICT)
- Pengajaran Berasaskan Kajian Masa Depan
- Pembelajaran Secara Konstruktivisme
- Pembelajaran Secara Kontekstual
- Pembelajaran Akses Kendiri
- Pembelajaran Masteri
- Belajar Cara Belajar
- Falsafah Pendidikan Kebangsaan
Matlamat Dan Misi, Kementerian Pendidikan Malaysia
- Kepimpinan Dan Pengurusan Kurikulum Di Sekolah
- Penilaian Kendalian Sekolah